

# Rakyat bangkit tentang ICERD

Berita HORIZON 12/12/2018 M/S 14

➔ Kerajaan diminta nyata pendirian isu gugat Islam, Melayu

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof, Shamsul Munir Safini, Suhaila Shahrul Annuar Mohamad Azim Fitri Abd Aziz, Muhamad Razis Ismail dan Zatul Iffah Zolkipli

cnews@nstp.com.my

➔ Kuala Lumpur

Pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan parti politik menyertai perhimpunan membantah cadangan untuk meratifikasi Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapu-

san Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD) di seluruh negara, semalam.

Peserta memberi amaran akan berlaku kebangkitan rakyat jika kerajaan menandatangani kerana ia menyentuh pelbagai perkara sensitif termasuk mengenai kedudukan Melayu dan Islam.

Hari ini, Himpunan Perpaduan Ummah akan diadakan di Pasir Salak, Perak, yang dijadual disertai Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, bagi membantah ICERD.

Di **Kota Bharu**, PAS dan UMNO Kelantan meminta kerajaan menyatakan pendirian berhubung isu berkenaan yang disuarakan pada Himpunan Aman Bantah ICERD berhampiran Masjid Muhammadi di sini, semalam.

Timbalan Presiden PAS, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man, berkata rakyat secara jelas mahu ICERD ditolak.

Bagaimanapun, katanya, bebe-

rapa menteri dilihat memberi kenyataan berbeza berhubung isu itu, sekali gus menyebabkan rakyat keliru.

## Kerajaan diminta tolak ICERD

"Dalam isu ini, kita minta kerajaan tegas. Tolong nyatakan pendirian dan jangan berbolak-dalih. Kita tidak mahu sekejap menteri kata akan kaji balik, sekejap kata lain. Rakyat tak nak dengar, yang rakyat mahu ialah kerajaan menolak ICERD," katanya.

Bantahan itu turut dihadiri Ketua Pemuda UMNO Kelantan, Noor Hariri Mohamed Noor dan Ketua Pemuda PAS Kelantan, Ahmad Fadhli Shaari.

Tuan Ibrahim berkata, perhimpunan itu adalah permulaan untuk menyatakan bantahan rakyat Kelantan terhadap ICERD.

"Jika kerajaan tandatangan, mereka berdepan kebangkitan rakyat dan PAS akan menghimpunkan berjuta rakyat," katanya.

Di **Kuala Terengganu**, hampir 5,000 orang berkumpul di pekarangan Masjid Tengku Tengah Zaharah Kuala Ibai di sini bagi membantah ICERD.

Ketua Pemuda PAS, Muhammad Khalil Abdul Hadi, berkata bantahan itu bukan bermakna umat Islam di Malaysia antipenganut agama dan bangsa lain, namun ia bertujuan mempertahankan agama Islam dan hak orang Melayu serta Bumiputera.

Di **Johor Bahru**, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Johor, Datuk Hasni Mohammad, berkata kerajaan negeri wajar menjadi saluran rasmi yang membuka dan mengumpul semua pandangan mengenai cadangan itu.

## Kedudukan Melayu

"Isu mengenai kedudukan Melayu dan Islam adalah perkara sensitif yang perlu ditangani secara berhemah dan berhati-hati. Jika ia tidak ditangani dengan betul, kami bimbang wujud situasi atau per-

kara tidak diingini berlaku di negara ini," katanya pada Himpunan Bantahan ICERD di tapak letak kenderaan Masjid al-Jawahir, Mutiara Rini di Iskandar Puteri, di sini, semalam.

Di **Kuantan**, kira-kira 2,000 umat Islam berhimpun menyatakan bantahan ke atas ICERD selepas solat Jumaat di hadapan Masjid Negeri Sultan Ahmad 1 di sini.

Bantahan turut diselitkan ucapan Ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO, Datuk Seri Mohd Sharkar Shamsuddin; Ketua Pemuda UMNO, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki dan Pesuruhjaya PAS negeri, Rosli Jabar.

Di **Butterworth**, Lebih 2,000 menyertai bantahan itu yang diadakan di Masjid Seberang Jaya di sini.

Pesuruhjaya Pas Pulau Pinang, Muhammad Fauzi Yusoff, berkata selepas Pilihan Raya Umum Ke-14, pelbagai isu yang mencabar Perlembagaan negara di ketengahkan pihak tidak bertanggungjawab ini.